



**KENYATAAN MEDIA  
UNTUK EDARAN SEGERA**

## **PENGELUAR GULA TEMPATAN MENGHORMATI KEPUTUSAN KERAJAAN DALAM PENETAPAN HARGA RUNCIT GULA BAHARU**

*MSM dan CSR Komited Untuk Memastikan Bekalan Gula  
Sentiasa Mencukupi di Malaysia*

**KUALA LUMPUR, 28 OGOS 2018:** Pengeluar gula tempatan, MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR), menghormati dan mematuhi keputusan kerajaan dalam pengurangan harga siling runcit gula putih sebanyak 10 sen sekilogram yang berkuatkuasa 1 September 2018 dan akan terus berhubung dengan pihak yang berkaitan untuk memastikan bekalan gula yang stabil walaupun dengan ketidaktentuan harga gula mentah di pasaran.

MSM dan CSR ingin mengulangi kenyataan bahawa harga gula runcit di Malaysia masih kekal di antara yang terendah di dunia, serta diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti – Pencatutan 2011 (Penentuan Harga Maksimum - No.2, Perintah 2017). [Rujuk Lampiran 1]

Pada harga runcit yang disemak semula, penetapan harga sebanyak RM2.85/kg untuk gula pasir kasar dan RM2.95/kg untuk gula pasir halus, merupakan harga yang jauh lebih rendah daripada harga dari negara pengeluar gula seperti Thailand, Indonesia dan Filipina, serta negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang lebih rendah seperti Kemboja dan Myanmar.

Kini, industri gula berhadapan dengan cabaran yang melibatkan kegiatan terlarang seperti penyeludupan dan penyusupan gula, di samping berhadapan peningkatan kos operasi dalam bentuk tarif gas asli, tarif elektrik, harga minyak dan gaji minimum. Dalam hal ini, pengeluar gula tempatan positif terhadap komitmen kerajaan untuk menghapuskan pengeluaran permit

import gula (AP) dan membendung aktiviti penyeludupan gula yang menggugat isu berkaitan 'HALAL', piawaian kualiti serta keperluan pensijilan mandatori yang lain.

Umumnya, industri gula adalah bisnes yang berbentuk kitaran dan kini berada dalam keadaan berlebihan. Lantaran itu, membawa kepada penurunan harga gula mentah global. Walau bagaimanapun, apabila berhadapan senario pasaran yang mencabar, terutamanya kenaikan harga gula mentah dan kadar pertukaran yang lemah, pengeluar gula tempatan sentiasa menanggung impak kepada pengguna dalam memastikan bekalan gula yang stabil untuk negara

Sebagai sebuah syarikat Malaysia yang bertanggungjawab, kami menggalakkan rakyat Malaysia untuk bersederhana dan bertanggungjawab dalam penggunaan gula sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk rakyat kekal dengan gaya hidup yang sihat.

**-TAMAT-**

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
Ketua Komunikasi Korporat  
MSM Malaysia Holdings Berhad  
+6016-677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Rozita Ahmad**  
Ketua Komunikasi Korporat  
Central Sugars Refinery Sdn Bhd  
+6012-233 5764  
[rozita@central-sugars.com.my](mailto:rozita@central-sugars.com.my)

**LAMPIRAN 1**

<b>HARGA GULA RUNCIT: RANTAU ASEAN &amp; DUNIA</b>	
<b>NEGARA</b>	<b>HARGA RUNCIT RM/KG SETAKAT JULY 2018</b>
Vietnam	4.20
China	4.00
Jepun	7.07
Australia	6.26
Taiwan	5.31
United Kingdom	7.40
United States of America	8.16
Thailand	3.04
Singapore	5.06
Filipina	4.23
Myanmar	4.59
Indonesia	4.50
Kemboja	3.61
Brunei	4.93
Malaysia	2.95

**Nota: FX = RM4.03**